

04/04/2000

Umno mahu senarai 900 pengundi

KUALA LUMPUR, Isnin - Umno akan mendapatkan senarai 900 orang pengundi yang digugurkan daripada senarai pengundi pada pilihan raya kecil Sanggang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata parti itu ingin memastikan sama ada mereka digugurkan atas sebab meninggal dunia, berpindah atau sebab-sebab lain.

"Kita dapati bahawa 900 orang daripada pengundi itu digugurkan dan kita ingin dapat senarai 900 orang yang digugurkan ini supaya dapat ditentukan sama ada mereka sudah meninggal dunia, pindah atau sebab-sebab lain," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, hari ini.

Dr Mahathir juga berkata Umno mendapati 12 pengundi yang tidak dapat mengundi kali ini kerana nama mereka digugurkan, walaupun mereka masih menetap di kawasan Dewan Undangan Negeri terbabit.

(END)